



SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

A. OPERASI DI IPT

1. Adakah IPT akan beroperasi seperti biasa semasa PKPB?

Semua IPT hendaklah kekal tutup. Urusan pentadbiran, penyelenggaraan dan operasi perniagaan sahaja dibenarkan dengan jumlah staf yang minimum.

B. KESELAMATAN

2. Bagaimana IPT memastikan keselamatan dan kesihatan warga masing-masing terjaga?

Kehadiran warga bagi urusan pentadbiran dan penyelenggaraan ke dalam kampus perlu dipantau dengan teliti oleh semua IPT mengikut SOP standard yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) seperti yang berikut:

- i. Kemasukan ke dalam kampus hanya dihadkan melalui pintu masuk terkawal yang telah ditetapkan sahaja bagi memudahkan pemantauan dilakukan;
- ii. Setiap warga IPT yang memasuki kampus perlu **memakai topeng muka, mendaftarkan diri dan melakukan pemeriksaan suhu badan** di pos kawalan keselamatan atau pusat tanggungjawab masing-masing;
- iii. Jika terdapat warga yang **melebihi suhu 37.5°C semasa disaring, warga tersebut tidak dibenarkan memasuki kawasan kampus**;
- iv. Staf tidak dibenarkan membawa ahli keluarga ke ruang pejabat semasa tempoh pasca PKPB bagi mengelakkan pertambahan wabak jangkitan;
- v. Pensanitasi tangan disediakan di kaunter/ pintu masuk pejabat, perpustakaan, bilik kuliah dan makmal masing-masing bagi kegunaan guna sama;
- vi. Penjarakan sosial (jarak 1 meter) sentiasa dipatuhi; dan
- vii. Kerja-kerja disinfeksi di semua lokasi IPT dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan termasuklah pada peralatan dikategorikan sebagai sering disentuh dengan menggunakan bahan yang telah disarankan oleh KKM.

C. PENGURUSAN MESYUARAT

3. Adakah mesyuarat boleh dijalankan semasa PKPB?

Semua IPT diminta melaksanakan mesyuarat secara dalam talian. Mesyuarat bersemuka hanya diizinkan sekiranya benar-benar perlu dan pihak IPT perlu mematuhi SOP standard dan tidak melibatkan ahli yang ramai.

D. PENGANJURAN PROGRAM/ MAJLIS

4. Bagaimana dengan penganjuran Majlis Konvokesyen/ Persidangan/ Seminar?

TIDAK BOLEH. Semua majlis yang melibatkan perhimpunan orang ramai perlu ditangguhkan. Dalam hubungan ini, Majlis Konvokesyen hendaklah ditangguhkan sehingga satu tarikh yang dibenarkan oleh pihak kerajaan. Di samping itu, semua persidangan atau seminar hendaklah ditangguhkan pelaksanaannya mengikut arahan kerajaan dari semasa ke semasa.

E. PENGURUSAN PELAJAR

5. Bagaimana dengan urusan pendaftaran pelajar tempatan baharu?

Semua urusan pendaftaran pelajar tempatan baharu dibuat mengikut jadual yang akan ditetapkan untuk pelajar lepasan SPM dan STPM/Setaraf. Pihak IPT perlu melaksanakan pendaftaran secara dalam talian bagi kemasukan ke IPT mengikut arahan dan tatacara yang selaras dengan arahan dari semasa ke semasa.

6. Adakah urusan pendaftaran pelajar antarabangsa baharu boleh dilaksanakan?

TIDAK BOLEH. Keputusan berkenaan tarikh pendaftaran baharu pelajar antarabangsa akan dimaklumkan kemudian.

7. Bagaimana dengan pengendalian pelajar antarabangsa yang telah kembali ke negara masing-masing?

Semua pelajar antarabangsa yang telah kembali ke negara asal tidak dibenarkan memasuki negara Malaysia sehingga satu tarikh yang dimaklumkan oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, mereka masih boleh meneruskan pengajian secara dalam talian. Pihak IPT hendaklah memaklumkan kepada pelajar antarabangsa berkenaan syarat ini dan juga apa-apa perubahan berhubung perkara ini.

F. PENYELIDIKAN

- 8. Adakah aktiviti penyelidikan dan PdP di dalam makmal boleh dilaksanakan semasa PKPB?**

TIDAK DIBENARKAN. Hanya aktiviti dalam talian sahaja yang dibenarkan.

- 9. Adakah pungutan data penyelidikan dibenarkan semasa PKPB?**

BOLEH tetapi di dalam talian **SAHAJA**.

- 10. Adakah aktiviti penyeliaan bersemuka dibenarkan semasa PKPB?**

TIDAK BOLEH.

- 11. Adakah warga IPT dibenarkan menghadiri persidangan/ seminar secara bersemuka?**

TIDAK BOLEH.

Catatan:

- 1) *Adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak untuk memahami dan mematuhi semua arahan semasa pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga SOP Pencegahan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk sama-sama mengurangkan risiko dan membendung penularan pandemik COVID-19 ini.*
- 2) *Sebarang perubahan terkini sejajar dengan arahan terbaru pihak MKN dan KKM akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.*

**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
7 MEI 2020**